

# Bengkel Kefahaman Pembangunan Hasil Pembelajaran (LOKI)

Oleh : Nur Aimi Muslim

Pada 3 Februari 2010, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menganjurkan Bengkel Kefahaman Pembangunan Hasil Pembelajaran (LOKI) yang melibatkan 37 peserta yang terdiri daripada Jurulatih Kurikulum, Timbalan-Timbalan Dekan Pusat Pengajian, Pensyarah dan Pegawai-Pegawai Universiti Malaysia Perlis. Bengkel yang berlangsung selama sehari tersebut diadakan di EDC UUM, Sintok. Penceramah jemputan bagi bengkel tersebut ialah Prof. Rosna Awang Hashim iaitu Pensyarah di Universiti Utara Malaysia. Bengkel tersebut diadakan demi menyahut seruan

Kementerian Pengajian Tinggi supaya mendokong Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang antara lain lainnya menumpukan kepada Pembangunan Holistik Pelajar melalui aktiviti ko-Kurikulum yang dilaksanakan oleh Institut Pengajian Tinggi. Kepelbagaian aktiviti Ko-K yang wujud di universiti dilihat mampu menjadikan mahasiswa IPTA Malaysia memperoleh nilai tambah kepada kehebatan akademik mereka seterusnya menjadikan mereka lebih berdaya saing. Kementerian Pengajian Tinggi telah mensasarkan beberapa bidang tumpuan Ko-K yang patut

diberikan kredit seperti Kepimpinan, Keusahawanan, Kesukarelawan, Sukan, Daya Usaha & Inovasi, Kebudayaan, Khidmat Komuniti dan Pengucapan Awam. Oleh itu, bengkel tersebut dijalankan untuk mendedahkan asas-asas ke fahaman untuk membangunkan Hasil Pembelajaran serta meningkatkan penguasaan dalam membangunkan Hasil Pembelajaran. Melalui bengkel tersebut, peserta-peserta bengkel dapat berbincang dan mengenalpasti kursus apakah yang berpotensi untuk dibangunkan dan bagaimana hendak membangunkannya.

